

1984

MAHATHIR

(EMBARGO DITURUNKAN PELANCARAN SELEPAS PUKUL 10 MALAM INI)  
KUALA LUMPUR, 8 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA GENERASI SEKARANG YANG KINI MENGGILAP KEMBALI WARISAN SENI PERLU MENINGGALKAN TRADISI MEREKA SENDIRI UNTUK GENERASI DI HARI MUKA.

GENERASI SEKARANG, TEGAS BELIAU, HARUS MENCIPTA UNTUK MENJADIS JURUBICARA MASYARAKAT BAGI SESUATU ZAMAN DAN BUKAN BERSUARA HANYA UNTUK DIRISENDIRI.

DENGAN CARA DEMIKIAN MASYARAKAT DAPAT MENERIMA, MENGHAYATI SERTA MENYANJUNGI CIPTAAN MEREKA DAN APABILA ADA SOKONGAN KUAT, DARIPADA MASYARAKAT, KEHJDUPAN SENI AKAN BERTAMBAH SUBUR.

BERUCAP DI UPACARA PELANCARAN YAYASAN SENI DI SINI MALAM INI, PERDANA MENTERI BERKATA PEMBINAAN SENI DAN KEBUDAYAAN TIDAK BOLEH DIBXARKAN KEPADA PENCINTA-PENCINTA SENI ATAU KERAJAAN SEMATA-MATA.

SEKTOR SHASTA TERMASUK PIHAK MEDIA, TERUTAMA TELEVISYEN PATUT MEMPERGIAT USAHA KE ARAH INI MELALU BANTUAN KEWANGAN ATAU KEMUDAHAN. --LAGI

1945MST 08 09 8 4

0888

RB832 DEB

MAHATHIR-YAYASAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, KEDUA-DUA PIHAK PERLU BEKERJASAMA MENCUNGKIL BAKAT-BAKAT BARU, MENGASAH MEREKA DAN MENDEDAHKAN MEREKA KEPADA UMUM.

PERDANA MENTERI MENYEBUT SEBAGAI CONTOH PEMBERIAN LESEN PENYIARAN KEPADA TV3 BUKAN SEMATA-MATA SEBAGAI BENTUK PERNIAGAAN TETAPS SUPAYA IA DAPAT MEMBANTU KERAJAAN MEMBINA DAN MEMUPUK KEPERIBADIAN NASIONAL.

+TV3 PATUT MEMBANTU BADAN SENI SEPERTI YAYASAN SENI DENGAN MENYIARKAN PERTUNJUKAN ATAU PEMENTASAN YANG MENCERMINKAN KEPERIBADIAN KEBANGSAAN KEPADA ORANG RAMAI, + KATANYA.

DENGAN CARAINI, TAMBAHNYA, MASYARAKAT BUKAN SAHAJA DAPAT MENERXMA DAN MENGHAYATI SENI YANG SESUAI DAN TINGGI MUTUNYA MALAH BADAN-BADAN SENI PULA DAPAT MEMPERBAIKI MUTU PERSEMBAHAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BENTUK-BENTUK DAN CORAK SENI TERSEBUT DAPAT MEMBANTU MEMBINA KEBUDAYAAN KEBANGSAAN, BUKANNYA SEMATA-MATA DENGAN MENGADAKAN PERATURAN, DASAR ATAU UNDANG-UNDANG. --LAGI

1947MST 08 09 8 4

## MAHATHIR-YAYASAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERHARAP BADAN-BADAN KESENIAN AKAN MEMBANTU MENGGIATKAN SEMULA KEGIATAN SENI DAN BUDAYA NEGARA KERANA, KATANYA, DISAMPING PEMBANGUNAN FIZIKAL, RAKYAT JUGA PERLUKAN PEMBINAAN AKAL MENERUSI APRESIASI DAN PENGHAYATAN SENI.

X NI KERANA SETIAP KERJA SENI JUG4 BOLEH MENCERMINKAN KETINGGIAN TAMADDUN BANGSA.

DAJUK SERI D R. MAHATHIR JUGA MENGGESA AGAR DIPERTINGKATKAN LAGI KEKUATAN DAYA CIPTA AKTIVITI SENI UNTUK MENDAPAT SAMBUTAN YANG MEMBERANSANGKAN DARI PENONTON.

+ DAYA CIPTA INI BUKAN HANYA TERLETAK PADA BOAL CERITA ATAU BAHAN CERITA TETAPI MERANGKUMI SOAL PELAKON, PENARI, PENGARAH HINGGA KEPADA JURUHIAS PENTAS. +

MENGENAI DESAKAN RAMAI SUPAYA KERAJAAN MEMBINA SEBUAH KOMPLEKS KEBUDAYAAN SERB4 MODEN BAGS MENAMPUNG PERKEMBANGAN SENI TANAH AIR, BELIAU BERKATA WALAUPUN KERAJAAN BERHASRAT BERBUAT DEMIKIAN KEKURANGAN WANG MENYEBABKAN IA TERPAKSA MEMIKIRKAN SOAL KEUTAMAAN PEMBANGUNAN TERLEBIH DAHULU.

BAGAIMANAPUN, UJAR PERDANA MENTERI, MUJUR JUG4 KERAJAAN TIDAK MELAKSANAKAN PROJEK BERJUTA-JUTA RINGGIT ITU KERANA BERDASARKAN TAHAP PERKEMBANGAN SENE MASA KINI, KOMPLEKS TERSEBUT AKAN HANYA MENJADI + SEEKOR GAJAH PUTIH + DI IBU NEGARA.

+ BUAT APA DENGAN DEWAN YANG CANTIK DAN PENUH DENGAN KELENGKAPAN MODEN KALAU TIDAK ADA PERTUNJUKAN... DAN PERTUNJUKAN KIT4 DISAKSIKAN OLEH BEBERAPA KERAT PENONTON SAHAJA? +, TANYA BELIAU. --BERNAMA